

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)11

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

11. Bagi mengelakkan insiden letupan gas seperti yang berlaku di Putra Height dari berulang, apakah langkah-langkah proaktif Kerajaan Negeri dalam membendung agar tidak terjadinya insiden seperti ini dan kawasan-kawasan yang terlibat seperti gas bawah tanah dan punca-punca lain yang boleh menyebabkan bencana di Negeri Pulau Pinang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) berperanan menguatkuasakan akta dan beberapa peraturan bagi memastikan keselamatan tempat kerja dan keselamatan daripada bahaya termasuk risiko kebocoran atau letupan gas iaitu melalui dua (2) akta seperti berikut:
 - (i) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994) yang menekankan keperluan untuk memastikan tempat

kerja selamat daripada bahaya termasuk risiko kebocoran atau letupan gas; dan

- (ii) Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 (PSMA 1984) yang mengawal selia aspek keselamatan saluran paip yang digunakan untuk mengangkut bahan petroleum.

Audit keselamatan ke atas operator talian paip (gas dan petroleum cecair) turut dilaksanakan oleh JKKP setiap tahun. Audit keselamatan yang dilaksanakan ini bertujuan menilai tahap pematuhan operator talian paip di seluruh Malaysia terhadap elemen pengurusan integriti, operasi, penyelenggaraan serta aspek teknikal lain. Bilangan operator yang dilaksanakan audit keselamatan sejak tahun 2022 adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan Operator Audit Keselamatan Yang Diaudit (2022-2024)

TAHUN	BILANGAN OPERATOR
2022	7
2023	14
2024	19

Antara pemeriksaan yang dijalankan oleh JKPP adalah pemeriksaan pertama, ujian hidro statik (HT) dan pneumatik talian paip apabila menerima permohonan untuk proses pengeluaran Surat Kebenaran Mengendali (PTO). JKPP juga menjalankan pemeriksaan tempat penyimpanan produk petroleum setahun sekali di stesen minyak dan juga terminal. Secara umumnya, keputusan pemeriksaan adalah memuaskan dengan operator mematuhi keperluan perundangan yang dikuatkuasakan. Selain itu, JKPP turut menjalankan pemeriksaan mengejut ke atas talian paip yang tiada PTO dan mengeluarkan arahan supaya mematuhi peruntukan undang-undang.

Sebarang risiko kebocoran akan diuruskan secara berkala dan terkawal berdasarkan hasil pemeriksaan teknikal. Arahan tindakan pemulihan segera akan dikeluarkan kepada operator-operator yang berkenaan bagi memastikan sebarang risiko adalah terkawal.

Di pihak Kerajaan Negeri pula, pemantauan dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) yang akan meneliti perkara-perkara berkaitan dasar, strategi, arahan,

pelan tindakan dan hala tuju pengurusan bencana termasuk isu-isu berkaitan. Mesyuarat ini dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Semua jabatan dan agensi yang berkaitan termasuk pegawai-pegawai daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah (JPBD) turut terlibat dalam meneliti perkara ini.